


BULETIN UTHM

Bil.5 Mei 2025 | ISSN 2232-0415



**DOTS'25 himpun pengamal
TVET global, meriahkan sambutan
Hari TVET Negara 2025**



BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 DOTS'25 himpun pengamal TVET global, meriahkan sambutan Hari TVET Negara 2025
- 3 UTHM bangunkan pusat data baharu, tambah baik keperluan pengajaran dan pembelajaran kampus
- 5 UTHM sebagai Penyedia Latihan Berdaftar HRD Corp
- 6 UTHM jalin kerjasama dengan tiga industri penerbangan, rapatkan jurang akademia dengan industri
- 8 Laksana 53 aktiviti dalam enam hari, lebih 3500 penduduk setempat nikmati manfaat
- 10 UTHM memanfaatkan kepakaran, beri latihan Sijil Kompetensi Juruterbang Kawalan Jauh Rcoc-B
- 12 Pelajar UTHM harum nama negara, raih anugerah di Pertandingan AI Robotik RoboCup Japan Open 2025
- 13 Dapo Rakyat pacu keusahawanan mikro, angkat produk asnaf ke pasaran lebih luas
- 15 Kolej Kediaman Kampus Pagoh raih gelaran 'Juara Keseluruhan' dalam SUKOL 2025
- 17 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



DOTS'25 himpun pengamal TVET global, meriahkan sambutan Hari TVET Negara 2025



BATU PAHAT, 29 Mei 2025 - Menyedari kepentingan pendigitalan TVET dalam memacu transformasi ekonomi negara, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan program Digital TVET Transformation Summit 2025 (DOTS'25) bagi memeriahkan lagi sambutan Hari TVET Negara 2025 yang jatuh pada 2 Jun setiap tahun.

Sebagai sebuah universiti peneraju bidang Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), UTHM menjadikan tahun 2025 sebagai tahun pelaksanaan transformasi TVET Digital secara menyeluruh.

Penganjuran DOTS'25 pada 28 dan 29 Mei menjadi pemangkin dalam meningkatkan keterlihatan jenama UTHM selaku peneraju institusi TVET Digital negara, selain memainkan peranan penting dalam menyokong serta menjayakan matlamat PPPTM 2026-2035.

Menurut penyelaras program, Profesor Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad, yang juga Pengarah Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat, penganjuran DOTS'25 berperanan untuk mempromosi dan menyebarkan luas inisiatif transformasi bidang TVET dalam konteks digital.

Program itu menjadi satu platform yang menghimpunkan inovator, pendidik, penggubal dasar dan peneraju industri bagi membincangkan peranan dan hala tuju TVET digital dalam usaha membangunkan ekonomi negara.

"Program DOTS'25 ini juga merupakan inisiatif untuk mempersiapkan graduan dalam bidang TVET agar bersifat kalis masa hadapan selain mampu beradaptasi, melalui agenda pendigitalan pengajaran dan pembelajarannya.

"Selain itu, penganjuran DOTS'25 juga adalah salah satu usaha dalam menjadikan UTHM sebagai pusat rujukan atau Hub TVET Digital bagi pembangunan bakat dan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

"Usaha-usaha seumpama ini diharap dapat memberi impak yang besar dan signifikan dalam membuka minda dan memupuk minat masyarakat mengenai kepentingan TVET digital," katanya.

Sementara itu, Majlis Perasmian DOTS'25 yang diadakan di Impiana Hotel KLCC pada 28 Mei telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Sri Ibrahim Ahmad.

Perasmian DOTS'25 di Kuala Lumpur itu bersempena penganjuran program 'Bridging Innovation and Learning in TVET' (BILT) bagi tahun 2025 oleh UNESCO International Centre for Technical and Vocational Education and Training (UNESCO-UNEVOC).

UTHM pada tahun ini diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah kepada program BILT bagi menyediakan platform perbincangan dan perkongsian idea berkaitan amalan terbaik dalam TVET, khususnya di Eropah, Afrika dan rantau Asia-Pasifik.

Untk rekod, penganjuran BILT saban tahun bertujuan membantu institusi TVET menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi, alam sekitar dan sosial.

Antara acara utama yang dilaksanakan adalah Forum Transformasi TVET Digital Global dan Sesi Peluncuran China-ASEAN TVET Digital Capacity Building Centre.

Sementara itu, pelbagai aktiviti menarik bertemakan TVET turut diadakan di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), UTHM kampus induk pada 28 dan 29 Mei 2025 seperti pameran kerjaya, pameran industri, pameran akademik dan eksplorasi TVET.

Lebih 3000 pengunjung terdiri daripada pelajar sekolah, industri dan masyarakat setempat hadir memeriahkan setiap acara yang dianjurkan, sekali gus melengkapkan lagi misi universiti dalam merapatkan hubungan dengan komuniti.

Majlis Perasmian Penutup DOTS'25 yang berlangsung di DSI telah disempurnakan oleh ADUN Kawasan Parit Raja, YB Nor Rashidah Ramli selaku wakil rasmi Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor.





UTHM bangunkan pusat data baharu, tambah baik keperluan pengajaran dan pembelajaran kampus

Menyedari perlunya menyokong Revolusi Perindustrian 4.0, kampus pintar dan pendigitalan TVET dalam memacu transformasi pendidikan negara, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah membangunkan pusat data yang memenuhi piawaian antarabangsa Tier 3 ANSI/TIA-942 dikenali sebagai Gerbang Digital UTHM.

Pusat data baharu tersebut dibangunkan antara bangunan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) dengan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE).

Lokasi strategik itu dipilih bagi memudahkan mobiliti pelajar dan pensyarah untuk proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kedua-dua fakulti ke bangunan tersebut.

Menurut Pengarah Pusat Teknologi Maklumat UTHM, Profesor Dr. Nazri Mohd Naw, pembangunan yang telah bermula pada Januari 2022 lalu dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada suku pertama 2026.

"Pusat ini turut menawarkan perkhidmatan kolokasi sebagai *Infrastructure As A Service* (IAAS) kepada pihak luar yang berminat dengan kadar bayaran yang kompetitif berbanding penyedia perkhidmatan yang sama di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Gerbang Digital UTHM turut mengimplimentasikan ciri-ciri keselamatan fizikal dan logikal dalam reka bentuknya.

"Ia dilengkapi dengan dua unit *firewall*, kawalan pintu dengan imbasan wajah, kamera litar tertutup dan Sistem Pemantauan Persekitaran (SPP).

"Pusat data ini mengoptimalkan operasi *Information and Communication Technology* (ICT) dengan memastikan ruang penempatan peralatan ICT disejukkan secara efisien menggunakan kaedah *in row cooling* dengan dua jenis *containment* iaitu *cold* dan *hot aisle*," jelas Prof. Nazri.

Manakala *hosting server* untuk sistem aplikasi UTHM juga akan menggunakan infrastruktur

Hyperconverged (HCI) serta *server* berspesifikasi tinggi yang dapat memberikan prestasi *hosting* yang tinggi.

Teknologi *virtualization* pada *server* fizikal itu akan membolehkan jumlah *hosting* yang tinggi disediakan menggunakan jumlah fizikal *server* yang kecil, sekali gus mengurangkan masa penyelenggaraan dan kos elektrik untuk operasi *server*.

Pusat data itu akan meneruskan penggunaan dua talian internet daripada pembekal yang berbeza sebagai sandaran untuk memastikan risiko kegagalan sambungan ke internet diminimakan.

Penggunaan HCI dan infrastruktur *cloud native* untuk memberikan perkhidmatan *hosting* kepada sistem-sistem aplikasi UTHM akan memberikan kebolehan penambahan dan pengurangan sumber CPU, RAM dan *disk space* dengan lebih mudah.

Sementara itu, pusat data itu juga memastikan kesinambungan operasi berterusan untuk sistem kritikal semasa bencana dengan menggunakan dua sumber penerimaan bekalan utama elektrik yang berbeza dan disokong oleh Genset dan UPS.

Ia juga memastikan fail sandaran pangkalan data dibuat lebih daripada satu lokasi storan.





UTHM sebagai Penyedia Latihan Berdaftar HRD Corp

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) secara rasminya telah berjaya didaftarkan sebagai Penyedia Latihan Berdaftar di bawah Human Resource Development Corporation (HRD Corp).

Kelulusan ini telah diberikan selama setahun berkuatkuasa 29 April 2025 sehingga 28 April 2026.

Sebagai institusi berprestij yang komited dalam menyediakan pendidikan berkualiti, pendaftaran itu membuka peluang untuk UTHM terus menyumbang kepada pembangunan modal insan yang lebih kompetitif melalui pelbagai program latihan profesional.

Menurut Pengarah UTHM Bitara, Prof. Dr. Wan Fauzi @ Wan Fauziah Wan Yusoff, sebagai Penyedia Latihan Berdaftar, UTHM akan berfungsi sebagai pemacu kepada peningkatan kemahiran tenaga kerja negara.

“Latihan yang ditawarkan memberi fokus kepada bidang yang relevan dengan industri, membolehkan peserta memperoleh pengetahuan terkini serta kemahiran praktikal yang boleh diterapkan dalam persekitaran kerja.

“UTHM juga akan memastikan setiap program latihan memenuhi piawaian tinggi yang ditetapkan oleh HRD Corp, sejajar dengan misi “Delivering Quality, Developing Excellence,” katanya.

Peserta yang mengikuti kursus di bawah program latihan UTHM akan menikmati pelbagai manfaat.

Antaranya pembiayaan kursus yang diiktiraf oleh HRD Corp boleh mendapat pembiayaan melalui levi yang dikumpul daripada majikan berdaftar, peningkatan kemahiran menerusi kursus yang dirancang bersesuaian dengan keperluan industri terkini dan memberi kelebihan dalam pasaran kerja.

Peserta juga berpeluang meningkatkan kerjaya menerusi latihan yang disediakan, selain membantu peserta meningkatkan daya saing dan membuka peluang kenaikan pangkat atau kerjaya baharu.

Mereka juga akan menerima sijil yang diiktiraf yang boleh meningkatkan nilai profesional mereka.

Dengan pendaftaran ini, UTHM akan terus melangkah mara ke hadapan dalam usaha memperkasa modal insan dan mempersiapkan tenaga kerja yang lebih mahir dan berdaya saing.

Untuk maklumat lanjut mengenai program pensijilan profesional yang ditawarkan oleh UTHM, sila layari laman web rasmi UTHM Bitara: [UTHM Bitara: (<https://www.uthmbitara.uthm.edu.my>).



UTHM jalin kerjasama dengan tiga industri penerbangan, rapatkan jurang akademik dengan industri

LANGKAWI - Sempena Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2025, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan UMW Aerospace dan Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. (SATSSB) dan satu letter of intent (LoI) bersama Advanced Air Traffic Systems (M) Sdn. Bhd. (AAT) bagi memperkukuh hubungan antara sektor pendidikan dan industri penerbangan negara.

Menurut Profesor Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, Menjalankan Fungsi Naib Canselor, UTHM kerjasama strategik yang bakal terjalin itu mampu mendekatkan jurang antara dunia akademik dan industri, seiring dengan aspirasi negara dalam melahirkan graduan yang kompeten dan berdaya saing melalui program-program akademik yang relevan dengan keperluan industri dan berimpak.

“Saya melihat inisiatif seperti ini amat penting bagi memperkukuh ekosistem pendidikan tinggi negara, terutama dalam bidang yang kritikal seperti penerbangan dan aeroangkasa, selain selari dengan visi dan bidang keutamaan UTHM iaitu bidang pengangkutan,” katanya.

UMW Aerospace bakal bekerjasama dengan UTHM dalam usaha mempertingkatkan kemahiran dan pengalaman pelajar melalui work-based learning (WBL).

Melalui kerjasama itu, pelajar bukan sahaja menerima bimbingan secara langsung daripada tenaga kerja berpengalaman, malah turut didedahkan kepada teknologi sebenar dan amalan kerja industri bertaraf global.

Kerjasama itu juga sejajar dengan komitmen kedua-dua pihak dalam menyokong aspirasi Malaysia Aerospace Industry Blueprint 2030, khususnya dalam membangunkan modal insan berkemahiran tinggi, memperluas kolaborasi antara industri dan institusi pendidikan, serta memacu pertumbuhan ekosistem aeroangkasa negara ke arah menjadi hab serantau yang berdaya saing.

SIME UMW Aerospace merupakan anak syarikat milik penuh UMW Holding Berhad yang memainkan peranan penting dalam industri aeroangkasa negara, khususnya dalam penghasilan komponen kritikal pesawat.

Pada masa yang sama, UTHM juga turut memeterai MoU dengan SATSSB bagi menyatu kepakaran industri dan akademik melalui projek pembangunan Sistem Debrief Bersepadu (IDS) Generasi Baharu untuk pesawat tempur moden Su-30MKM.

Ketua Pegawai Eksekutif SATSSB, Kennedy Ayu berkata kerjasama seperti itu bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan modal insan berkemahiran tinggi, tetapi juga memperkukuh ekosistem industri penerbangan negara.

"Ia mencerminkan komitmen SATSSB untuk menyokong pembangunan negara melalui jaringan kerjasama yang bermakna dan berimpak tinggi.

"Dengan sokongan penuh daripada semua pihak, projek pembangunan sistem ini menjadi bukti bahawa

universiti awam tempatan mampu menghasilkan penyelesaian teknologi tinggi yang relevan dengan keperluan penerbangan moden negara," katanya.

Untuk rekod, SATSSB merupakan sebuah anak syarikat Kumpulan MMC Corporation Berhad yang berperanan sebagai pengendali Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.

Manakala Lol bersama AAT pula melibatkan kerjasama bagi program profesional keselamatan siber kawalan trafik udara dan pusat operasi keselamatan untuk memantau ancaman ancaman digital.





FKAAB WE CARE 2025

FKAAB Prihatin : Menyemai Bakti Membina Solusi

13 - 18 Mei 2025 : Kampung Selulun, Tanjung Simpang Kanan & Kampung Parit Lapis Ismail, Batu Pahat, Johor

Laksana 53 aktiviti dalam enam hari, lebih 3500 penduduk setempat nikmati manfaat

Oleh Dr. Mohd Hafizal Hanipah, Dr. Nur Ain Ebas

BATU PAHAT – Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan sebuah program khidmat masyarakat berskala besar dengan menjalankan 53 aktiviti dalam tempoh enam hari dan telah memberi manfaat kepada lebih 3,500 penduduk setempat.

Program bersempena 'Minggu FKAAB Bersama Komuniti' di bawah inisiatif "FKAAB: We Care" itu dilaksanakan pada 13 hingga 18 Mei 2025 lalu dengan tema "FKAAB Prihatin: Menyemai Bakti, Membina Solusi."

Program berimpak tinggi itu dilaksanakan di sekitar kawasan Kampung Selulun, Kampung Parit Kassim, Kampung Bukit Rahmat dan Kampung Parit Lapis Ismail Mukim 4 Sri Gading serta di sekolah terpilih di sekitar kawasan Parit Raja, Batu Pahat.

Menurut Dekan FKAAB, Prof. Ir. Dr. Mohd Haziman Wan Ibrahim yang juga penasihat program, objektif utama program itu adalah untuk meningkatkan keterlibatan

warga universiti dalam pembangunan komuniti melalui pendedahan pelajar kepada realiti kehidupan masyarakat, pemindahan ilmu dan kemahiran serta pelaksanaan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang memperkasakan komuniti.

"Pelbagai aktiviti yang berteraskan tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Service Learning Malaysia (SULAM)-Universiti untuk Masyarakat, pemindahan ilmu, inovasi dan keusahawanan sosial telah berjaya dilaksanakan bersama komuniti setempat.

"Penganjuran program seumpama ini diharap menjadi permulaan kepada usaha jangka panjang dalam membina hubungan dua hala yang kukuh antara universiti dan masyarakat luar bandar," katanya.

Manakala pengerusi program, Profesor Madya Ts. Dr. Rafidah Hamdan pula berkata program itu juga berperanan dalam memperkukuh hubungan antara universiti dan komuniti setempat, selain dapat menyemai kesedaran sosial dalam kalangan pelajar, menggalakkan inovasi dalam penyelesaian isu

masyarakat, membina keupayaan keusahawanan sosial, serta meningkatkan penyertaan aktif staf akademik dalam aktiviti kemasyarakatan.

Tambah beliau, salah satu pengisian utama program ialah pelaksanaan Program Ilmuan UTHM Madani yang merupakan inisiatif di bawah anjuran Majlis Profesor UTHM (MPU) dengan kerjasama FKAAB.

Program itu merupakan salah satu usaha ke arah perkongsian ilmu dan kemahiran teknikal yang relevan kepada komuniti bagi menyokong pembangunan mampan serta menangani isu-isu tempatan secara lebih efektif.

Turut diadakan, pemeriksaan kesihatan percuma serta klinik pergigian bergerak oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Ukur & Pemetaan Malaysia (JUPEM) oleh Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam (NRES).

Manakala majlis penutup yang diadakan di Kampung Selulun, Batu Pahat pula diisi dengan aktiviti sukaneka

dan kenduri rakyat, yang bertujuan menyatukan komuniti melalui gotong-royong menyediakan juadah dengan menumbangkan seekor lembu.

Hadir sama ke majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, Profesor Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin

Untuk rekod, program tersebut turut mendapat penajaan daripada Yayasan UTHM, Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat UTHM, BP Renal Care, FKAAB Consult Sdn. Bhd., Mayang Sari Ekspres, serta individu-individu perseorangan yang tampil menyumbang demi menjayakan misi kebajikan ini.

Usaha ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar dan staf universiti untuk menyumbang kembali kepada masyarakat, tetapi turut membuka ruang perkongsian ilmu, kepakaran dan kemanusiaan, selaras dengan aspirasi UTHM sebagai universiti teknikal yang berjiwa rakyat.





UTHM memanfaatkan kepakaran, beri latihan Sijil Kompetensi Juruterbang Kawalan Jauh Rcoc-B

Oleh Dr. Mohd Fauzi Yaakub, Dr. Siti Juita Mastura Mohd Saleh

BATU PAHAT- Bagi memanfaatkan lagi kepakarannya dalam bidang dron, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memberi latihan "Sijil Kompetensi Juruterbang Kawalan Jauh RCoC-B" yang diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) kepada lima pegawai tinggi dari Jabatan Penjara Malaysia.

Lima pegawai yang diketuai oleh Timbalan Penguasa Penjara (Unit Teknikal Risiko dan Siasatan), Tuan Mohamad Zaimie Che Ani itu berjaya memperoleh Sijil Remote Pilot Certificate of Competency – Basic (RCoC-B) setelah menamatkan program latihan intensif anjuran Avitex Solution (M) Sdn. Bhd.

Untuk rekod, Avitex Solution yang juga merupakan salah sebuah Syarikat Terbitan UTHM (STU) adalah sebuah Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh (RPTO) yang diluluskan oleh CAAM.

Program latihan yang dijalankan selama enam hari bermula 28 April hingga 3 Mei 2025 lalu mengiktiraf kemahiran mereka dalam mengendalikan dron secara cekap, profesional dan selamat.

Sepanjang program tersebut, para peserta telah menjalani sesi pembelajaran teori serta latihan praktikal yang merangkumi aspek keselamatan

penerbangan, meteorologi, undang-undang dan peraturan penerbangan dron serta kemahiran operasi sebenar.

Kompetensi mereka diiktiraf setelah berjaya melepasi kedua-dua ujian teori dan ujian penerbangan dron seperti yang ditetapkan oleh CAAM.

Kejayaan itu melayakkan mereka untuk beroperasi sebagai juruterbang dron yang diperakui di Malaysia.

Program latihan itu merupakan salah satu inisiatif UTHM untuk meningkatkan kompetensi bukan sahaja kepada pelajar, tetapi juga memberikan sumbangan kepada profesion dan pegawai kerajaan dalam pelbagai sektor di negara ini.


Pengurus Bertanggungjawab RPTO UTHM, Prof. Madya Dr. Mohammad Zulafif Rahim berkata pihaknya ada bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan sebelum ini sebagai langkah positif dalam memperluas penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan kecekapan sektor kerajaan.

"Ini adalah contoh terbaik bagaimana UTHM, melalui bidang teknologi mampan dan pengangkutan dapat memberi impak kepada pengurusan dan operasi jabatan kerajaan, dengan memanfaatkan teknologi

canggih dalam memantapkan sistem keselamatan dan pemantauan,” katanya.

Dengan terlaksananya program itu, UTHM terus komited dalam penyediaan latihan berkualiti tinggi serta memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar, tetapi juga kepada masyarakat, industri dan sektor kerajaan.

RPTO UTHM sehingga kini telah melahirkan hampir 200 orang Juruterbang Kawalan Jauh Professional yang diiktiraf CAAM sejak setahun pengiktirafannya sebagai satu-satunya Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh di bawah Universiti Awam Malaysia.





Pelajar UTHM harum nama negara, raih anugerah di Pertandingan AI Robotik RoboCup Japan Open 2025

JEPUN, 2 Mei 2025 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencipta sejarah apabila sekumpulan pelajarnya berjaya meraih Naib Juara kategori Open Challenge: Presentation, Q&A and Demonstration of Robots' Unique Capability dalam Pertandingan AI Robotik, RoboCup Japan Open 2025 anjuran ROBOCUP JAPAN REGIONAL COMMITTEE bertempat di Shiga Daihatsu Arena, Jepun.

Pasukan Kamerider Ascension yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun tiga Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) juga turut meraih tempat ketiga kategori Overall/Bridge Competition Education League.

Kejayaan tersebut disokong oleh penguasaan teknologi terkini seperti sistem AI Vision berasaskan Large Language Model yang membolehkan robot memahami pertuturan dan video seperti manusia, setanding dengan teknologi ChatGPT serta penggunaan Robot Operating System (ROS) untuk kawalan pergerakan robot dan model bahasa VOSK bagi kefahaman dan pertuturan.

Platform robot mudah alih yang digunakan adalah Jupiter Robot, hasil kolaborasi dengan Malaysia AI Robotics Society (MARS) dan pengarahnya, Profesor Dr. Jeffrey.

Kumpulan pelajar yang dibimbing oleh Prof. Madya Dr. Abu Ubaidah Shamsudin dan Dr. Mimi Faisylini Ramli itu terdiri daripada Muhammad Luqmanul Hakeem Ramli, Mohammad Fahmi Mohammad Sahir, Muhammad Mustaqim Jamaluddin dan Muhammad Syahmi Aiman Mohd Ali.

Sementara itu, Dekan FKEE, Profesor Ts. Dr. Asmarashid Ponniran menyifatkan pencapaian itu sebagai cerminan keberkesanan inisiatif Program GRITT dan Misi Holistik UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing, inovatif dan bersedia menggalas cabaran teknologi masa depan.

"Ini bukan sekadar kemenangan, tetapi permulaan kepada kebangkitan generasi jurutera masa hadapan," katanya.



Dapo Rakyat pacu keusahawanan mikro, angkat produk asnaf ke pasaran lebih luas

Oleh Prof Madya Dr. Siti Sarah Omar

BATU PAHAT - Penganjuran "Open Day Dapo Rakyat" yang berlangsung pada 7 Mei 2025 lalu di Taman Mutiara Perdana, Batu Pahat menjadi medan buat usahawan B40 dan asnaf mengetengahkan inovasi makanan sedia dimakan.

Program anjuran White Space Resources, sebuah syarikat pemula keusahawanan sosial pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) itu turut mendapat kerjasama daripada Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC UTHM) serta Payments Network Malaysia (PayNet) melalui PayNet Cambah.

Seramai lebih 60 pengunjung terdiri daripada agensi kerajaan, wakil industri dan komuniti setempat hadir bagi menjalin jaringan perniagaan serta menyemarakkan lagi semangat keusahawanan mikro, khususnya dalam kalangan golongan B40 dan asnaf yang semakin berani tampil ke hadapan.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menyumbang lebih 38 peratus kepada Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mencatat pertumbuhan 5 peratus pada tahun 2023.

Justeru, program sebegini bukan sahaja relevan malah kritikal dalam menyokong pembangunan ekonomi negara daripada akar umbi.

Pengasas Dapo Rakyat, Naqibah Azman berkata, dapurpusatitu berfungsi sebagai fasiliti pemprosesan makanan berdaftar yang membolehkan usahawan menghasilkan produk secara besar-besaran dengan kawalan kualiti yang konsisten.

"Dapo Rakyat kini dalam proses mendapatkan pensijilan Halal dan MESTI bagi meningkatkan kebolehpasaran produk ke peringkat nasional dan antarabangsa.

"Melalui program tersebut, pelbagai produk menarik diketengahkan seperti ikan pais, ayam ungkep, maruku, sambal kering jeruk tenggiri, bawang goreng dan serunding arnab, yang kesemuanya dihasilkan oleh usahawan komuniti setempat," katanya.

Program tersebut turut dimeriahkan dengan sesi rasa makanan, pameran produk serta perkongsian kisah kejayaan usahawan.

Beberapa agensi pembangunan keusahawanan seperti INSKEN, MARA, SME Bank, Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian Negeri Johor serta Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB) turut mengambil bahagian dalam memberi sokongan jaringan industri.

Turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Datuk Haji Md Jais Haji Sarday, wakil Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Pegawai Kanan Pejabat Daerah Batu Pahat.

Kehadiran mereka menambah nilai kepada usaha merapatkan jurang antara usahawan mikro dan sistem sokongan yang tersedia di peringkat negeri dan persekutuan.

Lebih membanggakan, Dapo Rakyat turut mengangkat agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) serta Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dalam operasinya.

Inisiatif itu memberi impak langsung kepada SDG 1 (Tiada Kemiskinan) dengan meningkatkan pendapatangolonganB40danasnaf,SDG8(Pekerjaan dan Pertumbuhan Ekonomi) melalui penyediaan peluang pekerjaan, dan SDG 12 (Pengeluaran Bertanggungjawab) dengan mengurangkan

pembaziran makanan serta memaksimumkan penggunaan sumber tempatan secara mampan.

Tambah Naqibah, melalui konsep *Circular Economy*, Dapo Rakyat mengoptimumkan bahan mentah dari komuniti setempat, dan pada masa sama, memupuk kesedaran pemprosesan mesra alam.

"Kami bukan sahaja membantu usahawan menghasilkan produk berkualiti tetapi juga memupuk amalan pemprosesan yang lestari,

"Program Open Day Dapo Rakyat ini sekali gus mengukuhkan peranan UTHM sebagai peneraju inovasi sosial dan keusahawanan lestari, sejajar dengan aspirasi universiti untuk menjadi Global Technopreneur University menjelang 2030.

"Dengan sokongan padu pelbagai agensi dan komuniti, Dapo Rakyat bukan sekadar sebuah dapur, ia kini menjadi pemangkin perubahan sosioekonomi, mencetuskan gelombang baharu dalam landskap keusahawanan mikro negara," katanya.

Justeru itu, semua pihak termasuk agensi, korporat dan komuniti digalakkan untuk bersama menyokong inisiatif yang menjurus kepada pemerkasaan ekonomi masyarakat berpendapatan rendah.

Usaha kolaboratif mampu memperluas kesan sosial dan membawa perubahan yang lebih bermakna kepada komuniti di seluruh negara.





Kolej Kediaman Kampus Pagoh raih gelaran 'Juara Keseluruhan' dalam SUKOL 2025

Oleh Noor Farhanah Mohamad Amin

PAGOH – Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih gelaran 'Juara Keseluruhan' setelah menumpaskan dua lawannya ketika menyertai Kejohanan Sukan Antara Kolej Kediaman (SUKOL) 2025 yang diadakan pada 17 dan 18 Mei 2025 lalu bertempat di sekitar Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP).

Kejohanan anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti (PSKU) dan KKKP selaku tuan rumah itu melibatkan penyertaan 400 atlet yang bertanding dalam tujuh acara iaitu Boling Padang, Renang, Ping Pong, Aerodance, Catur, Olahraga dan Futsal.

KKKP yang dinobatkan sebagai 'Juara Keseluruhan SUKOL 2025' berjaya mengutip 13 pingat emas, enam perak dan 13 gangsa.

Manakala tempat kedua diraih oleh Kolej Kediaman Dalam Kampus (KKDK) dengan kutipan 10 pingat emas, 10 perak dan lima gangsa.

Tempat ketiga pula dimenangi oleh Kolej Kediaman Luar Kampus (KKLK) dengan kutipan tujuh pingat emas, 14 perak dan 12 gangsa.

Untuk rekod, SUKOL merupakan platform penting dalam pencarian bakat baharu dalam kalangan pelajar untuk persediaan menghadapi kejohanan anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Majlis Peluncuran SUKOL 2025 yang diadakan pada 16 Mei 2025 lalu bertempat di Dewan Konvensyen HPTP telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Afandi Ahmad, Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Manakala majlis penutup yang berlangsung pada 18 Mei pula disempurnakan oleh Ir. Ts. Mohamad Fazli Mohamad Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor.


Hadir sama, Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, Menjalankan Fungsi Naib Canselor UTHM; Sr. Dr. Anuar Mohd Salleh, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti; Dr. Mohd Nizam Attan, Pengetua KKDK merangkap Pengerusi Majlis Pengetua Kolej Kediaman; Ts. Dr. Md Norrizam Mohmad Ja'at @ Mohd Noh, Pengetua KKKP serta Noreina Kepal @ Nasir, Pengetua KKKL.

Sementara itu, PSKU mewakili UTHM turut mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan peserta yang telah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi.

“Penganjuran SUKOL diharap dapat diteruskan pada masa akan datang bagi menggilap potensi dan bakat pelajar dalam bidang sukan serta memupuk budaya bersukan dalam kalangan warga universiti,” kata Dr. Anuar.



Terbitan Terkini



RESEARCH METHODOLOGY PRACTICAL LABS AND GUIDES

Dr. SHAZAITUL AZREEN BINTI RODZALAN

PROF. Dr. NOR HAZANA BINTI ABDULLAH

PROF. MADYA Dr. NOR AZIATI BINTI ABDUL HAMID

978-629-490-106-3

Research Methodology: Practical Labs and Guides is a thorough guide designed to lead researchers through every phase of the research process, whether using quantitative or qualitative methods. It provides hands-on lab sheets and instructions for each research step, ensuring that researchers are well-equipped to plan, execute, and report their studies successfully. The book begins by introducing fundamental research concepts and differentiating between quantitative and qualitative methodologies, setting a strong foundation for the research journey. The book will guiding researchers on selecting a research topic and effectively searching for relevant literature using Mendeley software. Next, the section on formulating a problem statement helps researchers refine and clarify their research problem, creating a clear focus for their inquiry. This book also includes labs on developing a literature review matrix (LR Matrix) to synthesize existing research, formulate focused research questions, and conceptualize and operationalize variables. In addition, it covers labs on designing surveys and interviews, as well as collecting data. Once data is collected, the book provides labs on analyzing and interpreting both quantitative and qualitative data. Finally, the section on reporting offers advice on effectively communicating research findings, including the appropriate structure and style for research reports.



BASIC MODELLING OF ARCHITECTURE

Ts. NUR FAEZAH BINTI YAHYA

Ts. MOHD SUFYAN BIN ABDULLAH

Ts. Dr. PENIEL ANG SOON ERN

Ir. Ts. Dr. MOHAMAD HAIRI BIN OSMAN

978-629-490-096-7

This book is a comprehensive guide designed for beginners exploring Autodesk Revit software in architectural modelling. It begins by explaining the Revit user interface, an essential aspect for users to familiarize themselves with the tools provided, their organization, and how to optimize efficiency. Subsequently, the book proceeds to modelling architecture, covering topics such as project creation, constructing elevation and gridlines, wall, and floor modelling, inserting doors and windows, constructing staircases, creating railings, ceilings, and roofs. Furthermore, this book guides users through inserting building components, creating sections, and generating construction documents complete with tagging, annotation, and scheduling features. At the end of this book, there are exercise questions that offer opportunities for practical application. In conclusion, this book offers hands-on learning experiences, empowering both students and beginners using Autodesk Revit Architecture to proficiently navigate Revit and produce detailed architectural models and documentation.

Terbitan Terkini



QUALITY CONTROL 1 INTRODUCTION TO QC TOOLS AND TECHNIQUES

PROF. MADYA Ts. Dr. MD FAUZI BIN AHMAD @ MOHAMAD

978-629-490-110-0

Welcome to the world of Quality Control - a journey into the heart of ensuring excellence in products and processes. This book delves into the fundamental principles, methodologies, and best practices that drive the pursuit of unparalleled quality across industries. Quality control is not just a process; it is a mindset that embodies the relentless pursuit of perfection. In today's competitive landscape, delivering high-quality products and services is no longer an option; it is a necessity. This book is designed to equip readers with a comprehensive understanding of quality control principles and how they can be applied to drive continuous improvement and achieve customer satisfaction. The primary aim of this book is to provide a valuable resource for students, professionals, and quality enthusiasts alike, seeking to deepen their knowledge and expertise in the realm of quality control. I hope this book inspires you to embrace the spirit of continuous improvement, to strive for excellence in all your endeavors, and to embrace the transformative power of quality control. Remember, quality control is not just a practice; it is a commitment to excellence - a commitment we make to ourselves, our customers, and the world at large.

Let the journey begin.

